

## **Nestlé catat prestasi kukuh pada TK2015**

### **SOROTAN PENTING**

- **Catat hasil dan untung lebih tinggi, didorong oleh pelaburan lebih besar dalam aktiviti pemasaran dan promosi, dan juga kos jualan lebih rendah.**
- **Rekod pertumbuhan dalam perniagaan tempatan dan eksport.**
- **Untung Selepas Cukai berjumlah RM591 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, peningkatan 7.3% berbanding tahun kewangan sebelumnya.**
- **Dividen akhir RM1.10 sesaham dan dividen khas RM0.20 sesaham dicadangkan.**

**PETALING JAYA, 23 Februari 2016** – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi kukuh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, dengan mencapai hasil dan keuntungan yang lebih tinggi.

### **Tinjauan Prestasi: Tahun Penuh 2015 berbanding Tahun Penuh 2014**

Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan Untung selepas Cukai sebanyak RM591 juta. Angka ini merupakan peningkatan 7.3% berbanding RM550 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

En. Alois Hofbauer, Pengarah Urusan, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Dalam suasana ekonomi yang mencabar, prestasi kami pada tahun yang dilaporkan mencerminkan kekuatan asas dan daya saing Kumpulan kami. Keuntungan yang dicatatkan dipacu terutamanya oleh kos jualan dan juga perbelanjaan cukai yang lebih rendah untuk tahun yang dilaporkan. Harga lebih rendah bagi sebahagian besar daripada komoditi serta produktiviti yang lebih tinggi di kilang-kilang kami turut menyumbang kepada kos jualan yang lebih rendah.”

“Tambahan pula, peningkatan struktur Untung Kasar membolehkan Kumpulan mengukuhkan pelaburan pemasaran dan perdagangan. Pelaburan ini disalurkan untuk usaha memelopori inovasi baru bagi rakyat Malaysia pada tahun 2015, seperti MILO Nutri G, NESCAFÉ Blend & Brew, tambahan terbaru dalam rangkaian MAGGI Royale premium kami, iaitu Sarawak Sambal Laksa dan Johor Seafood Laksa, NESCAFÉ Mountain Wash, KIT KAT Green Tea, aiskrim MAT KOOL Butterfly, dan juga LA CREMERIA - pilihan premium dalam rangkaian aiskrim batang kami,” katanya.

“Pengurusan kos yang baik juga telah membantu meningkatkan promosi pengguna kami. Promosi pengguna serta inovasi tersebut membolehkan kami terus melangkah maju dan mencapai pertumbuhan, walaupun berhadapan dengan sentimen pengguna yang lemah. Perniagaan domestik dan juga eksport kedua-duanya turut mencatatkan pertumbuhan pada tahun 2015,” tambah En. Hofbauer.

#### **Tinjauan Prestasi: Suku 4, 2015 berbanding Suku 4, 2014**

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2015, Kumpulan mencatatkan hasil lebih tinggi berjumlah RM1.2 billion, peningkatan 8.1% berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan dalam perniagaan tempatan dan eksport telah menyumbang kepada prestasi hasil yang kukuh ini.

En. Hofbauer mengulas, “Perniagaan domestik telah disokong oleh aktiviti pemasaran dan promosi yang berkesan, yang mengurangkan kesan akibat kelemahan keyakinan pengguna disebabkan oleh kenaikan kos dan pendapatan boleh guna yang semakin rendah. Perniagaan eksport kami juga merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan berikutan pemulihan perniagaan ini pada suku ketiga, dengan menjana pertumbuhan dua angka yang kukuh pada suku tahun yang dilaporkan.”

Dari sudut keuntungan, untung kasar pada suku keempat meningkat kepada RM460 juta, kenaikan sebanyak 21.9% berbanding RM377 juta pada suku tahun yang sama tahun lepas. Peneraju utama bagi kenaikan untung ini ialah peningkatan hasil, trend harga bahan mentah yang lebih rendah serta langkah mengoptimumkan kos dengan

rapi di seluruh rantai nilai, yang membolehkan Kumpulan menambah pelaburan dalam pemasaran dan perdagangan.

Berlandaskan prestasi kukuh Kumpulan, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak RM1.10 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Dividen khas sebanyak RM0.20 sesaham juga dicadangkan. Termasuk dividen interim yang telah dibayar, ini menjadikan dividen keseluruhan berjumlah RM2.60 sesaham.

### **Prospek**

En. Hofbauer menambah, “Memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu di dalam mahupun di luar negara, tahun 2016 dijangka merupakan tahun yang mencabar. Keadaan pasaran yang sukar dijangka berterusan di dalam negara, lebih-lebih lagi dengan sentimen lemah pengguna. Bagaimanapun, sebagai Syarikat yang memberi tumpuan terhadap strategi jangka panjang yang berpandangan jauh, kami bersedia untuk menongkah arus.”

“Nestlé kekal positif terhadap prospek Malaysia dalam jangka pertengahan hingga panjang, sambil mengekalkan tinjauan yang berhati-hati dalam jangka masa pendek. Dalam pada itu, kami akan meneruskan pendekatan perniagaan seimbang yang merangkumi pengurusan kos secara berhemat, seiring dengan pelaburan berterusan yang dibuat demi masa depan,” rumus En Hofbauer.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

**Untuk maklumat lanjut:**

**Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185  
+6012-353 1337

E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestle.com)

**Joanne Lim atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+6012-304 7604 (Joanne) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)